

UMP komited lahir graduan holistik

BERITA HARIAN (NASIONAL) m/s 16 21/2/2016

» Pelan strategik tumpu lima lonjakan tingkat pencapaian universiti

Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani
bhnews@bharin.com.my


■ Pekan

Kampus utama Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kuala Pahang di sini, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, hari ini, akan menjadi mercu tanda gedung ilmu bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata UMP yang berusia 14 tahun, akan memperkasakan bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi yang lebih kreatif dan inovatif bagi memanfaatkan masyarakat dan negara.

Katanya, Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang baharu dilancarkan, akan menumpukan lima lonjakan strategik bagi melonjakkan pencapaian universiti pada masa depan.

Lima lonjakan berkenaan ialah Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Kelestarian Penyelidikan dan Inovasi, Kemapa-



Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak UMP di Kuala Pahang.

[FOTO AINAL MARHATON ABD GHANI/BH]

nan Sosio-Ekonomi dan Persekitaran serta Keunggulan Jenama UMP.

"UMP yang menyambut ulang tahun penubuhan ke-14 pada Selasa lalu, mahu memastikan peranan melahirkan graduan holistik sentiasa relevan dengan keperluan masyarakat serta membudayakan teknologi dan keusahawanan melalui ekosistem universiti yang dinamik.

"Begitu juga dengan penghasilan penyelidikan yang harus berteraskan teknologi bagi memastikan kelestarian bakat dapat memanfaatkan komuniti setempat dan persekitarannya," katanya di sini, semalam.

Daing Nasir berkata, pengantarabangsaan UMP menerusi



Daing Nasir Ibrahim

pembinaan jaringan kerjasama akademik yang kukuh dengan Jerman berjaya melahirkan graduan berdaya saing.

Katanya, model kerjasama aka-

demik bagi program dwi-ijazah Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Automotif dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) serta program dwi-ijazah Kejuruteraan Perniagaan dengan Reutlingen University di Jerman dilihat sebagai contoh yang menjadikan universiti itu terkenal dengan program kejuruteraan Jerman.

Tingkatkan pelaburan

"UMP juga akan terus berusaha menjana pendapatan dengan meningkatkan pelaburan serta wujudkan persekitaran yang dapat menyokong kelestarian universiti dalam usaha melestarikan kewangan UMP," katanya.

Dalam pada itu, Daing Nasir

berkata, wawasan Najib untuk menubuhkan universiti awam di Pahang ketika menjadi Menteri Pendidikan pada 24 Februari 1998 menjadi kenyataan dengan terubuhnya UMP yang sebelum ini dikenali Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM).

Selain itu, katanya, Perdana Menteri juga bersetuju dengan penamaan Kompleks Pentadbiran Utama sebagai Canseleri Tun Abdul Razak sebagai mengenang jasa Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang banyak berjasa kepada pembangunan negara.

"Saya mengharapkan semua warga universiti beraspirasi dan menjiwai semangat juang 'Bapa Pembangunan' ini," katanya.

Sementara itu, sempena majlis perasmian hari ini, orang ramai berpeluang melihat Pameran Legasi Kepemimpinan Tun Abdul Razak dan Najib serta hasil penyelidikan inovasi pelajar.

Program lain termasuk acara pertukaran dokumen memorandum persefahaman dan perjanjian antara Jabatan Perhutanan Pahang dan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP).

Yang turut berlangsung ialah penyerahan dana pembangunan usahawan Bumiputera kepada peserta Empower ECER Mahkota, hasil jaringan strategik antara Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Advanced Education (UAE) dalam bentuk barangan perniagaan.